

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
(BAHAGIAN RAYUAN & KUASA-KUASA KHAS)
PERMOHONAN BAGI SEMAKAN KEHAKIMAN
NO. 14-10-10/2012**

ANTARA

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI - PERAYU

DAN

1. CHIA HENG WHOLESALER SDN BHD - RESPONDEN

**KES DINYATAKAN OLEH PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN
BAGI PENDAPAT MAHKAMAH TINGGI
MENURUT PERENGGAN 34 JADUAL 5
AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
RAYUAN NO. PKCP (R) 70/2010**

DAN

CHIA HENG WHOLESALER SDN BHD - PERAYU

DAN

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI - RESPONDEN

ALASAN PENGHAKIMAN

Ini adalah rayuan perayu terhadap keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan Khas melalui perintah pemutus bertarikh 15.06.2012.

[2] Responden mempunyai 2 orang pengarah yang merupakan suami isteri dan memiliki aset berupa rumah kedai 3 tingkat. Pada 15.11.2005, responden telah memindahmilik aset tersebut dengan nilai balasan RM1 kepada 4 orang anak pengarah perayu dan bahagian setiap seorang adalah $\frac{1}{4}$ aset tersebut. Perayu mengisi Borang CKHT 1 dan 2 berkenaan pelupusan dan pemerolehan aset tersebut kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) pada 7.12.2005.

[3] KPHDN telah mengeluarkan Notis Taksiran Duti Setem berkenaan pindahmilik aset tersebut pada 12.12.2005. Jumlah duti kena bayar adalah RM18,000 berdasarkan harga nilai pasaran semasa iaitu RM800,000. KPHDN telah menghantar surat melampirkan pengiraan Cukai Keuntungan Harta Tanah pada 19.10.2007. Notis Taksiran Cukai Keuntungan Harta Tanah berkenaan pelupusan tersebut telah dikeluarkan oleh KPHDN pada 2.11.2007 dan menyatakan bahawa cukai sebanyak RM36,000 kena dibayar.

[4] Responden tidak berpuas hati dan memfailkan rayuan dalam Borang Q di bawah seksyen 152 Akta Cukai Pendapatan 1967 yang diterima pada 29.11.2007. Keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan mengeluarkan Perintah Pemutus bertarikh 15.6.2012 yang sebulat suara membenarkan rayuan responden dan memerintahkan Notis Taksiran yang berkenaan dipinda sejajar dengan keputusan mereka.

[5] Keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan memutuskan bahawa pindahmilik aset tersebut tertakluk di bawah peruntukan Perenggan 12 Jadual 2 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan turut memutuskan bahawa isu sama ada pindahmilik aset tersebut tertakluk kepada cukai keuntungan harta tanah di bawah seksyen 3(1) dibaca bersama Perenggan 18 Jadual 2 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 adalah tidak relevan untuk diputuskan oleh Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

[6] Perayu tidak berpuas hati dan mengemukakan Notis Rayuan bertarikh 5.07.2012 yang meminta Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan menyatakan satu kes untuk pendapat Mahkamah Tinggi selaras dengan perenggan 34 Jadual 5, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Hujahan Oleh Perayu

[7] Berdasarkan prinsip-prinsip kes, mahkamah ini boleh menyemak keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan atas alasan-alasan berikut:-

- a) salahtafsiran undang-undang;
- b) kesimpulan undang-undang yang tidak dapat disokong melalui fakta-fakta utama;
- c) kesimpulan fakta atau undang-undang yang tiada Pesuruhjaya Khas yang munasabah akan capai jika mereka merujuk dengan betul kepada fakta dan undang-undang tersebut.

[8] Perenggan 12 Jadual 2 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 tidak terpakai kepada responden kerana keperluan di bawah seksyen tersebut tidak dipenuhi. Responden adalah syarikat dan bukan merupakan ibu bapa kepada anak-anak pengarah responden. Dalam kes yang melibatkan akta pendapatan seperti kes cukai, "strict interpretation" terpakai. Perenggan 12 Jadual 2 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 memberi relif kepada pembayar cukai dan mana-mana pihak yang ingin bergantung kepada peruntukan ini mesti memenuhi keperluan yang dinyatakan dalam peruntukan tersebut.

[9] Prinsip undang-undang am bahawa di mana terdapat ketidakpastian di dalam akta cukai perlu ditafsir memihak kepada pembayar cukai tidak terpakai dalam mentafsir akta yang memperuntukkan relif daripada cukai yang mana perlu ditafsir

dengan “strict”. Tiada prinsip ekuiti dalam cukai dan mahkamah harus melaksanakan peruntukan akta. KPHDN diberi kuasa di bawah seksyen 25(2) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 untuk mengabaikan harga yang dinyatakan oleh pihak-pihak dan mengantikannya dengan harga pasaran yang ditetapkan oleh KPHDN.

[10] Dalam kes ini, soal harga pasaran dirujuk kepada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harga (JPPH) dan bukan dipetik mana-mana harga. Selain itu, responden tidak pernah membantah kepada laporan penilaian JPPH dalam bicara.

Hujahan Oleh Responden

[11] Keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan adalah betul. Dapatan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan bahawa pindahmilik tersebut merupakan pindahmilik daripada ibu bapa kepada anak-anak adalah dapatan fakta dan mahkamah rayuan tidak patut mengganggu dapatan tersebut. Pindahmilik tersebut adalah hadian dan responden hanya agen untuk pindahmilik tersebut kerana:-

- a) responden adalah syarikat tidak aktif dan tiada aktiviti perniagaan, pejabat atau kakitangan dan satu-satu asetnya adalah rumah kedai 3 tingkat tersebut;
- b) tiada balasan diterima kecuali RM1;
- c) transaksi tersebut bukan bersifat komersil.

[12] Maka keadaan kes ini termasuk dalam peruntukan Perenggan 12 Jadual 2 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Pemindahmilik aset tersebut tidak menerima apa-apa keuntungan dan tidak harus dikenakan cukai keuntungan harta tanah. Keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan jelas

menunjukkan bahawa Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 ditafsir dengan betul.

Keputusan

[13] Setelah menimbangkan kertas-kertas kausa termasuk kes yang dinyatakan dan hujahan pihak-pihak, saya bersetuju dengan hujahan responden dan berpendapat bahawa keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan adalah betul dan menerimapkai sepenuhnya. Jelas bahawa pindahmilik ini adalah daripada ibu bapa kepada anak-anak dan responden hanyalah agen untuk pindahmilik tersebut memandangkan bahawa ianya adalah tidak aktif dan tiada kakitangan selain daripada pengarahnya iaitu suami isteri yang berkenaan. Saya juga bersetuju bahawa dapatan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan yang menyatakan bahawa pindahmilik tersebut merupakan pindahmilik daripada ibu bapa kepada anak-anak adalah suatu dapatan fakta dan mahkamah tidak boleh mengganggu dapatan fakta Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan itu. Justeru rayuan ini saya tolak dengan kos.

DATO' ZALEHA BINTI YUSOF

HAKIM

MAHKAMAH TINGGI MALAYA

KUALA LUMPUR.

Tarikh: 25 April 2013

Bagi Perayu: Ahmad Isyak bin Mohd. Hassan; Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Bagi Responden: Leong Wai Hong bersama Foo Yen Ne; Tetuan Skrine